



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KOMUNITI MENJAYAKAN KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN DAN JUGA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2016 DI KEPONG

KUALA LUMPUR, 20 Februari 2016 – Kenduri 1Wilayah Persekutuan (1WP) Peringkat Parlimen Kepong yang diadakan di Padang Metro Prima, Kepong dihadiri oleh lebih 3000 orang warga kota. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.

2. Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara komuniti khususnya di Kepong selain dapat bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti gotong-royong kebersihan dan cegah denggi. Selain itu, menerusi Kenduri 1WP ini juga turut menjadi medium bagi memperkukuhkan persefahaman, perpaduan dan ukhuwah sesama warga Wilayah Persekutuan khususnya di kalangan masyarakat di Kepong.

3. Lokasi Kenduri 1WP di padang awam yang terletak di tengah-tengah kawasan perumahan adalah sangat strategik bagi memudahkan komuniti setempat hadir ke program dan sama-sama bergotong-royong dalam menyiapkan juadah makanan dan membersihkan kawasan sekitar. Sempena sambutan Tahun Baru Cina juga Persatuan Penjaja Metro Kepong memberi sumbangan keperluan asas bernilai RM60 kepada 1000 orang warga emas, OKU dan anak yatim. Pelbagai aktiviti lain turut dijalankan sepanjang program berlangsung seperti sukaneka, senamrobik, persembahan kebudayaan, pertandingan mewarna kanak-kanak tadika dan sekolah rendah dan gerai

pameran informasi. Selain itu, pelancaran penubuhan pasukan sukarelawan yang pertama ditubuhkan oleh KWP dengan kerjasama DBKL dan MPP terdiri daripada 100 orang ahli dengan gabungan daripada Pasukan Tindakbalas Kecemasan Kesiapsiagaan Awam (CDERT-C) di bawah JPAM, sukarelawan BOMBA dan COMBI. Ikrar sukarelawan dibaca sebagai tanda keahlian dan kehadiran mereka dalam komuniti.

4. Bersempena dengan program Kenduri 1Wilayah Persekutuan turut diadakan aktiviti Gotong-Royong Kebersihan dan Cegah Denggi dengan penduduk-penduduk di Apartment Suria Magna dan Pelangi Magna. Ini dapat mewujudkan kesedaran masyarakat akan bahaya ancaman penyakit demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk aedes. Kawasan sekitar tumpuan gotong-royong dibersihkan dan dicuci bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes dengan kerjasama Jabatan Kesihatan DBKL yang membuat semburan asap bagi menghapuskan nyamuk-nyamuk ini.

5. Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya di Kepong dapat mengukuhkan lagi hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat sejahtera dan ceria. Selain itu program ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan masa tetapi mengeratkan perpaduan sesama masyarakat setempat selaras dengan objektif sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
20 Februari 2016